



HUBUNGAN ANTARA PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SUNGAI PETANI TERHADAP PEMBELAJARAN FIZIK



MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD FADZIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



HUBUNGAN ANTARA PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SUNGAI PETANI TERHADAP PEMBELAJARAN FIZIK

MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD FADZIL

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI

 05-4506832  SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(FIZIK)    ptbupsi

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya Muhammad Izzuddin Bin Mohd Fadzil nombor matrik D20211099235 dari Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa laporan disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan Antara Persepsi Dan Sikap Pelajar Sekolah Menengah Di Sungai Petani Terhadap Pembelajaran Fizik adalah hasil kerja saya sendiri. Segala penggunaan hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan:

(MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD FADZIL)

**BORANG PENGAKUAN PEMBETULAN –
SFR3923 FYP2 & SFR3996 PROJEK PENYELIDIKAN**

**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN
PROGRAM ISMP (FIZIK) AT12
JABATAN FIZIK, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK**

Bahawa saya, **Muhammad Izzuddin Bin Mohd Fadzil** dengan No. Pendaftaran **D20211099235** telah membaiki dan membetulkan laporan projek penyelidikan yang bertajuk **Hubungan Antara Persepsi Dan Sikap Pelajar Sekolah Menengah Di Sungai Petani Terhadap Pembelajaran Fizik** seperti mana yang dikehendaki oleh penyelia dan pemeriksa.

Tandatangan pelajar : 
Nama : Muhammad Izzuddin Bin Mohd Fadzil
No. Pendaftaran : D20211099235

Disahkan oleh:
Tanda tangan penyelia : 
Nama dan cop rasmi : 
DR. ANIS DIYANA BT HALIM
Pensyarah Kanan (DS51)
Jabatan Fizik Fakulti Sains dan Matematik
Universiti Pendidikan Sultan Idris



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam menjayakan kajian ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia, Dr. Anis Diyana Binti Halim yang telah memberikan bimbingan dan nasihat yang berharga sepanjang proses penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar Tingkatan Empat aliran sains di Sungai Petani yang telah meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dan memberikan maklumat yang diperlukan untuk kajian ini. Tanpa kerjasama dan sokongan mereka, kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan. Seterusnya, penghargaan juga kepada rakan-rakan dan keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan motivasi kepada saya untuk menyelesaikan projek ini terutamanya ayah saya iaitu Mohd Fadzil Bin Shaari dan ibu saya iaitu Rosmina Binti Sabri. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Fakulti Sains dan Matematik atas segala kemudahan dan sumber yang disediakan untuk menyokong penyelidikan ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadi sumbangan yang bermakna dalam bidang pendidikan Fizik.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara persepsi dan sikap pelajar Tingkatan Empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi dan sikap pelajar serta menentukan hubungan antara kedua-duanya. Sampel melibatkan 320 pelajar dari lapan buah sekolah di Dun Bakar Arang. Reka bentuk kajian adalah kajian korelasi dengan instrumen soal selidik. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A ialah Demografi, Bahagian B ialah persepsi pelajar terhadap pembelajaran fizik dan Bahagian C ialah sikap pelajar terhadap pembelajaran fizik. Data dianalisis dengan statistik deskriptif dan ujian korelasi *Spearman Rho*. Hasil kajian menunjukkan tahap persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik adalah tinggi (Min = 4.05, SP = 0.847) dan (Min = 4.07, SP = 0.846). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan ($r = 0.449$, $p = <0.001$) menunjukkan hubungan yang kuat antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan bahawa peningkatan dalam persepsi positif pelajar dapat dicapai dengan strategi pengajaran yang lebih berkesan dan menarik. Oleh itu, guru dan pendidik disarankan untuk memberi perhatian kepada cara pelajar memahami dan merasakan pembelajaran Fizik. Menggunakan pendekatan yang menyokong pemahaman dan penerapan konsep Fizik dapat memperbaiki sikap mereka secara holistik dan meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam subjek ini.

Kata kunci: Persepsi, Sikap, Pembelajaran Fizik, Kajian Kuantitatif, Korelasi

THE RELATIONSHIP BETWEEN PERCEPTION AND ATTITUDE OF HIGH SCHOOL STUDENTS IN SUNGAI PETANI TOWARDS PHYSICS LEARNING

ABSTRACT

This study was conducted to examine the relationship between the perceptions and attitudes of Form Four science stream students in Sungai Petani, Kedah, towards learning Physics. The objective of this study is to investigate the students' perceptions and attitudes and to determine the relationship between both. The sample involved 320 students from eight schools in the Bakar Arang constituency. The research design is correlational with a questionnaire instrument. There are three sections in this questionnaire, namely Section A is Demographics, Section B is Students' Perceptions of Learning Physics, and Section C is Students' Attitudes Towards Learning Physics. Data were analyzed using descriptive statistics and Spearman Rho correlation tests. The results indicate that the level of students' perceptions and attitudes towards learning Physics is high (Mean = 4.05, SD = 0.847) and (Mean = 4.07, SD = 0.846). Additionally, the findings also show that there is a relationship ($r = 0.449$, $p < 0.001$) indicating a strong relationship between students' perceptions and attitudes towards learning Physics. The implications from this study suggest that improvements in students' positive perceptions can be achieved through more effective and engaging teaching strategies. Therefore, teachers and educators are advised to pay attention to how students understand and feel about learning Physics. Using approaches that support the understanding and application of Physics concepts can holistically improve their attitudes and enhance students' academic performance in this subject.

Keywords: Perception, Attitude, Physics Learning, Quantitative Study, Correlation

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN **ii**

BORANG PENGAKUAN PEMBETULAN **iii**

PENGHARGAAN **iv**

ABSTRAK **v**

ABSTRACT **vi**

SENARAI JADUAL **x**

SENARAI RAJAH **xi**

SENARAI PERSAMAAN **xii**

SENARAI LAMPIRAN **xiii**

BAB 1 PENGENALAN **1**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 8

1.2.1 Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik 10

1.2.2 Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik 13

1.3	Pernyataan Masalah	14
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Hipotesis Kajian	18
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.8	Kepentingan Kajian	19
1.8.1	Guru	19
1.8.2	Sekolah	20
1.8.3	Pejabat Pendidikan Daerah	20
1.9	Batasan Kajian	21
1.9.1	Lokasi	21
1.9.2	Sampel Kajian	21
1.9.3	Persepsi dan Sikap	21
1.10	Definisi Operasional	22
1.10.1	Persepsi	22
1.10.2	Sikap	23
1.10.3	Pembelajaran Fizik	23
1.11	Rumusan	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 25

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Pembelajaran Fizik di Malaysia	26
2.3	Kajian Lepas Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik	27
2.4	Kajian Lepas Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik	28
2.5	Hubungan antara Persepsi dan Sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik	31
2.6	Teori Behaviorisme	33
2.7	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI 36

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Populasi dan Sampel	37
3.4	Instrumen	38

3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	39
3.5.1	Kesahan	39
3.5.2	Kajian Rintis	45
3.5.3	Kebolehpercayaan	46
3.7	Kaedah Menganalisis Data	51
3.8	Rumusan	56

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 57

4.1	Pengenalan	57
4.2	Demografi Responden	58
4.3	Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Fizik	61
4.4	Analisis Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Fizik	64
4.5	Ujian Normaliti	66
4.6	Analisis Hubungan Antara Persepsi dan Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Fizik	68
4.6.1	Ringkasan Analisis Persoalan Kajian	70
4.7	Kesimpulan	70

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 71

5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian	72
5.2.1	Perbincangan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 1	72
5.2.2	Perbincangan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 2	74
5.2.3	Perbincangan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 3	76
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	77
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.5	Kesimpulan	82

RUJUKAN 83

LAMPIRAN 93



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Item soal selidik	39
3.2	Analisis kesahan bagi item persepsi	43
3.3	Analisis kesahan bagi item sikap	44
3.4	Skor Alpha Cronbach dan Indikator	46
3.5	Nilai kebolehpercayaan bagi kajian rintis	47
3.6	Interpretasi min berdasarkan skala likert	53
3.7	Interpretasi pekali korelasi Spearman Rho	55
3.8	Analisis bagi setiap persoalan kajian	55
4.1	Taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan jantina	58
4.2	Taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan bangsa	59
4.3	Taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan sekolah	60
4.4	Min dan sisihan piawai bagi persepsi pelajar terhadap pembelajaran Fizik	62
4.5	Min dan sisihan piawai bagi sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik	65
4.6	Ujian Normaliti bagi pemboleh ubah persepsi dan sikap	67
4.7	Analisis korelasi Spearman Rho antara persepsi dan sikap	68
4.8	Ringkasan keputusan kajian	69



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konsep kajian	19
3.1	Carta alir prosedur pengumpulan data	48

SENARAI SINGKATAN

CVI	<i>Content Validation Index</i>
DLP	<i>Dual Language Program</i>
I-CVI	<i>Item-level Content Validation Index</i>
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PBP	Pembelajaran Berasaskan Permainan
S-CVI/Ave	<i>Scale-Level Content Validity Index based on the average</i>
S-CVI/UA	<i>Scale-Level Content Validity Index based on the Universal Agreement</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
STEM	<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i>
UA	<i>Universal Agreement</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian eRas
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Kedah
- C Borang Soal Selidik
- D Borang Kesahan Pakar

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembelajaran Fizik merupakan aspek penting dalam pendidikan kerana ia adalah salah satu komponen utama dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) (Zetty Zuryanty Zawawi & Ruhizan Mohammad Yasin, 2023). Fizik tidak hanya mengajarkan konsep-konsep kompleks tetapi juga membekalkan pelajar dengan alat untuk memahami dan menerangkan fenomena yang berlaku di sekitar mereka. Pengetahuan dalam Fizik adalah asas untuk mendalami bidang-bidang lain seperti kejuruteraan dan sains yang memerlukan pemahaman yang kukuh tentang prinsip-prinsip Fizik.



Fizik diberikan penekanan khususnya kepada pelajar menengah atas agar mereka dapat membentuk asas bagi pemahaman konsep saintifik dan memperkukuhkan kemahiran berfikir kritis. Kemahiran berfikir kritis ini adalah penting kerana ia membolehkan pelajar menganalisis masalah, membuat keputusan yang bijak dan mencipta penyelesaian yang inovatif. Dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks, pelajar yang dilengkapi dengan kemahiran ini akan lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai situasi. Tambahan pula, Fizik mempunyai aplikasi bukan sahaja dalam penyelesaian soalan latihan, tetapi juga dalam kehidupan seharian. Contohnya, konsep-konsep Fizik seperti daya, gerakan dan tenaga boleh dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan, dari cara kita memandu kereta hingga cara kita berinteraksi dengan peranti elektronik. Kesedaran terhadap aplikasi praktikal ini dapat membantu pelajar merasa lebih terhubung dan bermotivasi untuk mempelajari Fizik.



Pelajar yang memahami pembelajaran Fizik dengan baik akan membentuk sahsiah yang positif kerana mereka dapat menghayati konsep Fizik dengan berkesan. Pembelajaran yang mendalam dalam Fizik bukan hanya mendorong pengetahuan akademik tetapi ia boleh memupuk rasa ingin tahu dan keinginan untuk meneroka dunia sains yang merupakan ciri-ciri penting bagi individu yang ingin memberi sumbangan kepada masyarakat dan alam sekitar. Keadaan ini menjadikan Fizik bukan sahaja membentuk minda yang kritis tetapi juga membangunkan individu yang proaktif dan bertanggungjawab dalam menghadapi isu-isu global.





Persepsi pelajar terhadap subjek Fizik memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap motivasi mereka dalam pembelajaran (Smith et al., 2018). Persepsi ini merujuk kepada cara pelajar melihat, memahami dan menilai subjek tersebut dan ia memberi impak langsung kepada motivasi dalaman mereka untuk belajar. Jika pelajar percaya bahawa Fizik adalah subjek yang menarik dan berharga, mereka lebih mendedikasikan masa dan usaha yang lebih dalam proses pembelajaran.

Tahap motivasi yang tinggi dapat mendorong pelajar untuk mempelajari perkara baru serta membantu mereka mencapai matlamat akademik dan berjaya dalam pelajaran (Nor Aroma Abu Bakar et al., 2021). Misalnya, pelajar yang melihat Fizik sebagai suatu subjek yang relevan dan berkaitan dengan kehidupan harian mereka lebih cenderung untuk berusaha lebih keras dan mencapai keputusan yang baik. Mereka terlibat dalam aktiviti tambahan seperti kajian kelas, projek dan eksperimen yang memperkukuhkan pemahaman dan kemahiran praktikal mereka dalam Fizik. Sebaliknya, jika pelajar menganggap Fizik tidak relevan, mereka akan kurang berusaha dan terlibat dalam pembelajaran. Persepsi negatif ini boleh menyebabkan pelajar merasa putus asa atau tidak bermotivasi yang akan memberi kesan buruk terhadap kemajuan akademik mereka. Dalam banyak kes, pelajar memilih untuk mengabaikan subjek ini atau tidak memberi perhatian yang sewajarnya semasa pengajaran di dalam kelas.

Pembentukan persepsi positif terhadap Fizik adalah penting kerana ia mendorong pelajar untuk meningkatkan kualiti pembelajaran mereka. Guru dan pendidik boleh memainkan peranan yang signifikan dalam mengubah persepsi ini



dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang menarik dan interaktif, menjelaskan relevansi Fizik dalam kehidupan seharian, serta mendorong pelajar untuk mengaitkan konsep Fizik dengan pengalaman mereka sendiri. Maka, pelajar bukan sahaja dapat mengembangkan minat yang lebih mendalam terhadap subjek tetapi juga membina keyakinan diri dalam kemampuan mereka untuk menguasainya.

Persepsi pelajar terhadap kepentingan dan keseronokan dalam subjek yang dipelajari juga mempengaruhi tahap penglibatan mereka (Hassan et al., 2021). Apabila pelajar melihat Fizik sebagai subjek yang menarik dan bermanfaat, mereka akan lebih bersemangat untuk terlibat dalam pembelajaran aktif. Pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap Fizik lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti makmal dan perbincangan kelas, yang bukan sahaja meningkatkan pemahaman mereka tetapi juga menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik.

Kajian oleh Latif dan Ahmad (2020) menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran melalui projek dan eksperimen cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik. Penglibatan aktif ini membolehkan pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam situasi praktikal, serta memberi mereka pengalaman hands-on yang memperkukuh pemahaman konsep Fizik. Ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif tidak hanya memperkukuh pemahaman konsep Fizik tetapi juga memberi makna kepada pembelajaran mereka. Inisiatif seperti merancang kegiatan pembelajaran yang menarik, relevan dengan kehidupan seharian, dan memberikan peluang kepada pelajar untuk bereksperimen dapat membantu meningkatkan persepsi



mereka. Aktiviti seperti demonstrasi, projek berkumpulan, dan lawatan ke institusi sains dapat membuka minda pelajar tentang aplikasi Fizik dalam dunia nyata.

Kesannya, pelajar akan lebih terlibat dan bersemangat untuk menjalani proses pembelajaran Fizik, secara tidak langsung mempertingkatkan prestasi akademik mereka. Dengan meningkatkan penglibatan pelajar, bukan sahaja prestasi akademik mereka akan meningkat tetapi juga menggalakkan mereka untuk mengembangkan minat yang lebih mendalam dalam bidang sains dan teknologi seterusnya membentuk generasi masa depan yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran. Pembelajaran yang penuh penglibatan dapat memberikan pengalaman pendidikan yang berharga dan menyeronokkan, sekaligus menyiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran global yang semakin kompleks.



Selain itu, sikap pelajar terhadap Fizik sering kali dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran yang mereka alami. Dalam kajian oleh Mabee et al. (2021), dinyatakan bahawa sikap seseorang itu dipelajari melalui pengaruh keadaan sekeliling. Persekitaran pembelajaran termasuk interaksi dengan guru, rakan sebaya dan suasana kelas memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk pandangan pelajar terhadap subjek.

Pengaruh rakan sebaya atau keadaan sosial mampu menjadi pendorong utama dalam membentuk sikap individu. Pelajar yang berada dalam kumpulan rakan yang positif dan menyokong cenderung untuk ramai terlibat dalam perbincangan serta aktiviti pembelajaran. Mereka akan merasa lebih berkeyakinan untuk mencuba dan





tidak takut untuk membuat kesilapan iaitu bahagian penting dalam proses pembelajaran. Jika pelajar dikelilingi oleh pengaruh positif, mereka cenderung mempunyai sikap yang lebih menggalakkan dalam menghadapi cabaran pembelajaran Fizik.

Kesannya, ini membolehkan mereka menjalani proses pembelajaran dengan lebih berkesan tanpa gangguan. Pelajar yang merasa didukung dalam persekitaran sosial mereka lebih mungkin untuk menyelesaikan masalah secara kolaboratif dan belajar dari satu sama lain, yang memperkukuh pemahaman mereka terhadap konsep Fizik. Sebaliknya, jika pelajar berada dalam persekitaran negatif, sikap mereka akan terjejas dan menjadikan mereka kurang bermotivasi untuk belajar. Persekitaran yang tidak menyokong, seperti buli siber, penilaian yang tidak adil dari guru, atau kurangnya sumber yang menyokong pembelajaran, boleh mengakibatkan pelajar merasa terasing dan putus asa.

Persekitaran pembelajaran yang baik adalah penting bukan sahaja untuk memperbaiki sikap pelajar terhadap Fizik tetapi juga untuk menggalakkan semangat dan keberkesanan dalam pembelajaran. Sekolah dan pendidik harus berusaha untuk mencipta persekitaran yang positif, inklusif, dan membina, di mana pelajar merasa selamat untuk berkongsi idea, bertanya soalan, dan mengekspresikan pemahaman mereka. Melalui usaha ini, pelajar tidak hanya akan memperoleh pengetahuan dalam Fizik tetapi juga membangun sikap proaktif dan berdaya saing dalam pembelajaran mereka.





Pengurusan masa juga memainkan peranan penting dalam menentukan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik. Pelajar yang mampu mengurus masa dengan baik menunjukkan sikap positif dan cenderung mencapai keputusan yang lebih baik dalam subjek ini (Nordin Norsa'adah & Mohd Ismail, 2020). Kemampuan untuk merancang dan mengatur waktu dengan efektif membolehkan pelajar menumpukan perhatian kepada pembelajaran, membuat ulang kaji secara teratur dan mengelakkan tekanan yang timbul daripada tempoh akhir semasa mereka mempertahankan pengetahuan mereka.

Kajian oleh Mbonyiriyuze et al. (2021) menjelaskan bahawa sikap negatif pelajar terhadap pembelajaran Fizik berpunca daripada keperluan masa yang panjang untuk memahami subjek ini. Pembelajaran Fizik yang bersifat abstrak kadangkala menyukarkan pelajar untuk membayangkan fenomena Fizik secara langsung menjadikan mereka tertekan atau putus asa apabila berhadapan dengan konsep-konsep yang rumit. Oleh itu, pelajar memerlukan masa untuk memproses dan memahami konsep-konsep tersebut secara mendalam.

Memiliki kumpulan belajar yang aktif dan saling memberi sokongan dalam mempelajari subjek Fizik penting bagi pelajar. Kumpulan belajar ini memberikan ruang kepada pelajar untuk berbincang dan bertukar pandangan yang bukan sahaja membantu mereka memahami fenomena Fizik dengan lebih baik tetapi juga memupuk sikap positif terhadap pembelajaran. Dalam suasana pembelajaran kumpulan, pelajar boleh saling membantu dengan berkongsi teknik belajar, menjelaskan konsep yang sukar dan memberikan motivasi antara satu sama lain.





Kesimbangan antara pengaruh sosial yang baik dan pengurusan masa yang efektif adalah kunci untuk membentuk sikap proaktif dan positif dalam pembelajaran Fizik. Dengan adanya sokongan sosial, pelajar dapat merasa lebih yakin dan bersemangat untuk mencabar diri mereka dalam subjek ini. Selain itu, pengurusan masa yang baik membolehkan mereka memanfaatkan peluang yang ada untuk belajar dan memahami Fizik tanpa tekanan yang berlebihan. Melalui pendekatan ini, pelajar tidak hanya akan cenderung mencapai hasil akademik yang lebih baik dalam Fizik tetapi juga dapat membentuk sikap yang lebih positif dan berdaya saing di dalam bidang sains secara umum.

1.2 Latar Belakang Kajian



Pembelajaran Fizik merupakan salah satu subjek dalam kurikulum sains di sekolah menengah. Subjek ini menyediakan pelajar dengan pemahaman asas tentang prinsip dan konsep Fizik yang kritikal untuk kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Ilmu Fizik bukan sahaja membantu pelajar memahami fenomena semula jadi malah membentuk asas pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah yang diperlukan dalam era masyarakat berteknologi tinggi kini. Seiring dengan revolusi sains dan teknologi yang kian pesat, kepentingan penguasaan subjek Fizik menjadi semakin terserlah dalam membekalkan kemahiran dan pengetahuan untuk membantu pelajar menghadapi cabaran masa depan.





Namun, penglibatan pelajar dalam pembelajaran Fizik sering dipengaruhi oleh persepsi dan sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Menurut Nurazidawati Mohamad Arsad et al. (2021), penglibatan pelajar dalam pembelajaran Fizik sering dipengaruhi oleh persepsi dan sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Persepsi positif ini terbentuk melalui pengalaman awal dengan subjek dengan subjek dan pengaruh positif daripada guru serta rakan sebaya. Apabila pelajar melihat Fizik sebagai subjek yang menarik dan relevan dengan kehidupan seharian mereka, ia dapat meningkatkan motivasi dan minat mereka.

Sebaliknya, pelajar yang mempunyai persepsi negatif terhadap Fizik mungkin akan mengalami kebosanan dan kurangnya keterlibatan dalam pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang melihat Fizik sebagai subjek yang sukar dan tidak praktikal cenderung untuk mempunyai sikap yang buruk terhadap pembelajaran, yang boleh menyebabkan pencapaian akademik yang rendah (Amerstorfer, 2021). Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana sikap pelajar terbentuk dan hubungannya dengan persepsi mereka terhadap Fizik.

Oleh itu, adalah jelas bahawa persepsi dan sikap pelajar haruslah seiring dalam meningkatkan kualiti pembelajaran Fizik. Melalui pemahaman yang mendalam tentang hubungan ini, pendidik dapat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran dalam Fizik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara persepsi dan sikap pelajar, dengan harapan dapat memberikan panduan kepada pendidik dalam merancang strategi pengajaran yang lebih





berkesan, sekaligus membantu pelajar mencapai kejayaan dalam subjek Fizik dan seterusnya dalam bidang STEM.

1.2.1 Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik

Persepsi merupakan proses di mana individu menafsir dan memberi makna kepada rangsangan dari persekitaran mereka. Ia melibatkan pemprosesan maklumat deria seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa, dan bau (Chan & Zhou, 2023). Persepsi dipengaruhi oleh pengalaman lampau, harapan, dan kepercayaan individu. Sebagai contoh, persepsi seorang pelajar terhadap kelas Fizik mungkin dipengaruhi oleh pengalaman sebelumnya dalam subjek tersebut, kepercayaan tentang kepentingan Fizik dalam kerjaya masa depan dan harapan mereka terhadap gaya pengajaran guru. Persepsi boleh berbeza dari satu individu ke individu lain walaupun mereka menghadapi situasi yang sama kerana setiap individu mempunyai pengalaman dan latar belakang yang unik.

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran Fizik boleh mempengaruhi kebolehan guru dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Berdasarkan dapatan kajian lepas, persepsi pelajar terhadap pembelajaran Fizik dipengaruhi oleh kebolehan guru, kebergantungan kepada pembelajaran yang berpusatkan guru, dan kefahaman mengenai relevansi Fizik dalam kehidupan seharian (Aziz Abdul Aziz & Nurul Mansor, 2019). Kebolehan guru dalam mengurus proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik akan membuatkan pelajar lebih berminat untuk belajar dan lebih mudah menerima input yang disampaikan





oleh guru. Sekiranya pelajar melihat guru sebagai individu yang kompeten dan mampu menjelaskan konsep-konsep Fizik dengan jelas, mereka akan lebih terbuka untuk terlibat dalam pembelajaran. Pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap kebolehan guru juga lebih cenderung untuk bertanya soalan dan mengambil bahagian dalam perbincangan di dalam kelas serta dapat meningkatkan kualiti pembelajaran keseluruhan. Oleh itu, mencipta suasana pembelajaran yang positif di dalam kelas adalah kunci kepada peningkatan penglibatan dan pembelajaran yang berkesan.

Menurut Anuar Ahmad dan Jingga (2017), pelajar lebih berminat jika mereka turut terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja ingin mendengar perkara yang disampaikan oleh guru, tetapi lebih gemar apabila terdapat interaksi dua hala antara guru dan pelajar, seperti sesi soal jawab atau aktiviti pembelajaran yang interaktif. Tindakan ini secara tidak langsung membantu pelajar memahami input yang disampaikan oleh guru dengan lebih baik. Dalam konteks pembelajaran Fizik, interaksi ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman tetapi juga membina keyakinan pelajar untuk mengemukakan pandangan dan idea mereka. Apabila pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran, mereka dapat menghubungkan teori dengan aplikasi praktikal yang penting dalam memahami prinsip-prinsip Fizik. Ini juga dapat memperkukuhkan minat pelajar terhadap subjek ini, yang seterusnya dapat membentuk sikap positif mereka terhadap pembelajaran Fizik. Contohnya, kegiatan seperti eksperimen berkumpulan, demonstrasi, dan permainan pendidikan membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain dan dengan guru, menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan berkesan.



Menurut Nurul Muna Abdullah et al. (2020), pengajaran yang kurang menarik boleh mempengaruhi persepsi pelajar bahawa Fizik adalah subjek yang sukar. Hal ini disebabkan pelajar menganggap Fizik sebagai subjek yang abstrak dan tidak berkaitan dengan kehidupan seharian mereka. Persepsi ini sering dipengaruhi oleh cara pengajaran yang lebih menekankan teori tanpa memberikan contoh praktikal atau aplikasi yang jelas. Pelajar merasa sukar untuk merangkumi konsep-konsep yang diajar jika mereka tidak dapat melihat bagaimana konsep tersebut berfungsi dalam situasi realiti. Suasana pembelajaran yang pasif tanpa melibatkan aktiviti praktikal atau eksperimen menyukarkan pelajar untuk memahami konsep-konsep yang diajarkan oleh guru.

Penjelasan abstrak tanpa sokongan bahan pembelajaran yang interaktif juga boleh menyebabkan kebosanan dan kehilangan minat. Justeru, situasi ini bukan sahaja menghadapi cabaran dalam pemahaman tetapi juga menimbulkan kebimbangan dan kurang keyakinan diri dalam pelajar. Apabila pelajar merasa tidak berdaya untuk menguasai subjek ini, mereka mungkin cuba untuk menghindarinya, yang seterusnya boleh menurunkan prestasi akademik mereka. Oleh itu, mengubah pendekatan pengajaran adalah penting untuk menjadikannya lebih interaktif dan relevan dengan kehidupan seharian, serta meningkatkan persepsi pelajar terhadap subjek Fizik. Pengenalan kepada aktiviti eksperimen di dalam kelas, pembelajaran berasaskan projek, dan penggunaan teknologi pendidikan seperti simulasi dan video boleh membantu mengaitkan pembelajaran dengan konteks yang lebih relevan, sekaligus meningkatkan minat dan keyakinan pelajar dalam subjek ini.

1.2.2 Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Fizik

Sikap merujuk kepada penilaian atau respon seseorang terhadap sesuatu objek, individu, situasi, atau konsep, yang boleh positif atau negatif. Ia merangkumi komponen afektif iaitu emosi atau perasaan, kognitif iaitu kepercayaan atau pemikiran, dan tingkah laku iaitu niat atau tindakan (Sari Wahyuni & Fitri Nur Mahmudah, 2022). Sikap terbentuk melalui pengalaman peribadi, pengaruh sosial dan maklumat yang diperoleh dari persekitaran. Contohnya, seorang pelajar mungkin mengembangkan sikap positif terhadap Fizik jika mereka sering berjaya dalam ujian dan menerima pujian daripada guru. Sikap juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku individu, seperti membuat keputusan untuk terus belajar subjek tertentu atau terlibat dalam aktiviti yang berkaitan.

Terdapat juga kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik dapat dipengaruhi oleh persekitaran bilik darjah, kebolehan guru dalam memotivasikan pelajar, dan kualiti bahan pengajaran yang disediakan (Ahmad & Ibrahim, 2020). Sekolah adalah rumah kedua bagi pelajar, di mana mereka menghabiskan banyak masa di dalam kelas. Oleh itu, bilik darjah perlu sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa. Keadaan bersih daripada habuk dan sampah yang bertaburan di lantai adalah penting untuk mencipta suasana pembelajaran yang baik. Reka bentuk fizikal bilik darjah juga mempunyai kesan yang mendalam terhadap pembelajaran pelajar (Che Nidzam Che Ahmad et al., 2016).



Menurut kajian lepas, pelajar sering bersikap negatif terhadap Fizik dengan anggapan bahawa subjek ini sukar, tidak menarik, membosankan, dan terlalu abstrak untuk dipelajari (Mbonyiryivuze et al., 2021). Sikap negatif ini boleh menyebabkan pelajar enggan belajar subjek ini, yang seterusnya mempengaruhi keputusan peperiksaan mereka. Walau bagaimanapun, sikap pelajar juga dipengaruhi oleh kesedaran mengenai kepentingan Fizik dalam kehidupan seharian (Aseem et al., 2023). Pelajar yang memahami bagaimana Fizik berkait rapat dengan kehidupan seharian dan aplikasinya lebih cenderung untuk bersikap positif dan berminat dalam mempelajari subjek ini. Oleh itu, adalah penting untuk menerapkan persepsi dan sikap positif dalam diri pelajar agar mereka dapat memahami fenomena Fizik dengan lebih jelas dan mengenali kerelevanan Fizik dalam kehidupan mereka, seterusnya menjadikan proses pembelajaran Fizik berjalan dengan lancar.



1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran Fizik sering dianggap sebagai subjek yang sukar dan mencabar oleh pelajar. Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar termasuk kesulitan dalam menganalisis grafik, menterjemahkan persamaan algebra ke dalam konsep Fizik, menghubungkan konsep Fizik dengan fenomena nyata, dan melakukan pengiraan matematik (Norbaizura Nordin, 2019). Masalah-masalah tersebut menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap subjek Fizik seterusnya menimbulkan persepsi dan sikap yang negatif terhadap subjek ini. Tambahan pula, masalah ini menghalang pelajar daripada berfikir di luar kotak dan berfikir pada aras yang lebih tinggi. Kesannya,





pelajar akan kurang bersemangat untuk belajar Fizik dan mencatat keputusan yang tidak memuaskan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pelbagai persepsi terhadap pembelajaran Fizik. Menurut Noorzana Khamis dan Fatin Aliah Phang (2021), persepsi pelajar aliran sains di daerah Johor Bahru terhadap pembelajaran Fizik berada pada tahap yang tinggi. Suasana pembelajaran yang kondusif membantu menambah pengetahuan pelajar sekaligus meningkatkan persepsi yang positif. Namun, dapatan kajian sebelumnya juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi negatif terhadap pembelajaran Fizik. Menurut Azlina Mazlan dan Nik Ahmad Faris Nik Abdullah (2021), hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa pelajar merasakan Fizik amat sukar. Ini berpunca daripada kegagalan mereka dalam peperiksaan yang lalu yang memberi kesan mendalam kepada diri mereka.

Di samping itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelajar mempunyai pelbagai sikap terhadap pembelajaran Fizik. Menurut Noorzana Khamis dan Fatin Aliah Phang (2021), sikap pelajar aliran sains di daerah Johor Bahru terhadap pembelajaran Fizik berada pada tahap yang tinggi. Sikap yang positif membolehkan pelajar belajar Fizik dengan lebih mudah. Namun, menurut Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al. (2016) sikap pelajar aliran sains di Selangor terhadap pembelajaran Fizik berada pada tahap yang rendah. Kesukaran dalam sesuatu subjek akan mempengaruhi sikap pelajar untuk terus belajar mengenai subjek tersebut.



Dapatan kajian lepas juga menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara persepsi dan sikap pelajar. Di Selangor, kajian menunjukkan bahawa hubungan antara persepsi dan sikap pelajar aliran sains terhadap pembelajaran Fizik adalah lemah (Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al., 2016). Namun, dapatan kajian lain menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara persepsi dan sikap pelajar. Berdasarkan kajian Azlina Mazlan dan Nik Ahmad Faris Nik Abdullah (2021), persepsi dan sikap pelajar semakin positif setelah diperkenalkan kepada kaedah pembelajaran yang baharu.

Secara keseluruhan, pelbagai dapatan telah diperoleh mengenai persepsi, sikap, dan hubungan antara keduanya dalam konteks pembelajaran Fizik. Hasil yang berbeza ini menunjukkan bahawa keputusan yang diperoleh tidak konsisten. Selain itu, berlakunya kekurangan penyelidikan di kawasan Sungai Petani mengenai persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik juga ketara. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap persepsi, sikap, dan hubungan antara persepsi dan sikap pelajar di Sungai Petani terhadap pembelajaran Fizik.



1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat aliran Sains terhadap pembelajaran Fizik di Sungai Petani, Kedah.

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif seperti berikut:

- i. Mengkaji persepsi pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik.
- ii. Mengkaji sikap pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik.
- iii. Menentukan hubungan antara persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik.



1.5 Persoalan Kajian

Soalan kajian merangkumi soalan seperti berikut:

- i. Apakah persepsi pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik?
- ii. Apakah sikap pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik?



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:


H₀: Tiada terdapat hubungan antara persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat aliran sains di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah suatu model atau struktur yang menggambarkan bagaimana pembolehubah dalam kajian berinteraksi dan mempengaruhi satu sama lain (Leshem & Trafford, 2007). Ia membantu untuk memahami bagaimana konsep-konsep tertentu berkaitan dan mempengaruhi satu sama lain. Kerangka konseptual kajian ini melibatkan dua elemen utama iaitu persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik. Pada kajian ini, persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik menjadi fokus kajian ini. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji hubungan antara persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik. Berdasarkan pembolehubah dan hubungan antara pembolehubah yang dikaji, maka Rajah 1.1 dibina bagi menjelaskan konsep kajian ini.

Rajah 1.1

Kerangka konsep kajian



1.8 Kepentingan Kajian

1.8.1 Guru

Kajian ini dapat membantu guru memahami persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik. Dengan mengenal pasti elemen-elemen yang mempengaruhi persepsi pelajar, seperti sikap guru, pendekatan pengajaran, dan relevansi subjek, guru dapat memperoleh wawasan yang penting tentang bagaimana pelajar melihat Fizik. Dengan pemahaman ini, guru dapat merancang dan melaksanakan strategi pengajaran yang lebih efektif untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam Fizik.

1.8.2 Sekolah

Sekolah dapat menggunakan hasil kajian ini untuk menilai dan memperbaiki pendekatan mereka dalam pengajaran Fizik. Penganjuran program seperti Minggu Inovasi dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menyertai dan mengasah bakat dalam menghasilkan rekacipta berilmukan pengetahuan sedia ada mengenai Fizik. Perkara ini menjadikan bahawa pembelajaran Fizik bukan sahaja terpakai ketika dalam kelas, malah berguna dalam menghasilkan sesuatu rekaan yang membawa kebaikan kepada semua. Bukan itu sahaja, ia dapat membantu sekolah mencapai matlamat pendidikan mereka dan meningkatkan prestasi akademik pelajar secara keseluruhan.

1.8.3 Pejabat Pendidikan Daerah

Hasil kajian ini dapat memberikan maklum balas yang berharga kepada Pejabat Pendidikan Daerah tentang pendapat pelajar mengenai pembelajaran Fizik. Ini dapat membantu dalam pembuatan keputusan dan perancangan polisi pendidikan yang lebih baik, serta dalam peningkatan kurikulum dan pendekatan pengajaran Fizik di peringkat kebangsaan.

1.9 Batasan Kajian

1.9.1 Lokasi

Kajian ini terhad kepada pelajar Tingkatan empat di sembilan buah sekolah yang berada di Dun Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah sahaja. Oleh itu, hasil kajian mungkin tidak mencerminkan persepsi dan sikap pelajar di lokasi lain dan tidak dapat digeneralisasikan ke populasi pelajar di luar kawasan kajian ini.

1.9.2 Sampel Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan empat yang mengambil subjek Fizik. Oleh itu, persepsi dan sikap pelajar terhadap subjek lain tidak dipertimbangkan dalam kajian ini.

1.9.3 Persepsi dan Sikap

Kajian ini fokus kepada persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik. Walau bagaimanapun, persepsi dan sikap adalah konstruk subjektif yang mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain yang tidak dikenal pasti dalam kajian ini. Oleh itu, terdapat potensi bias subjektif dalam penafsiran data.



1.10 Definisi Operasional

Definisi operasi ialah cara yang jelas untuk mengukur sesuatu dalam kajian. Ia membantu penyelidik memikirkan cara untuk menguji dan memahami perkara yang berbeza seperti sikap, persepsi dan pembelajaran Fizik.

1.10.1 Persepsi

Menurut Kotler (2009), persepsi adalah proses seorang individu memilih, mengorganisasikan dan menafsirkan informasi untuk menciptakan suatu gambaran yang bermakna tentang dunia. Tambahan pula, ia merupakan proses kognitif yang dilalui oleh setiap individu dengan memilih, menyusun, dan mentafsir maklumat input dan sensasi yang diperoleh melalui penglihatan, pendengaran, bau, sentuhan, sentuhan, dan persepsi untuk mencipta gambaran yang bermakna tentang dunia. Persepsi dalam konteks kajian ini merujuk kepada pemahaman dan tanggapan pelajar terhadap kepentingan serta relevan pembelajaran Fizik dalam kehidupan mereka (Aziz Abdul Aziz & Nurul Mansor, 2019).



1.10.2 Sikap

Sikap ialah pengukuran tahap kesediaan, minat, dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Fizik serta persepsi mereka terhadap nilai dan kepentingan subjek tersebut. Sikap dalam konteks kajian ini merujuk kepada sikap pelajar dalam mempelajari pelbagai ilmu baharu melalui Fizik dan mempertingkatkan jati diri sebagai seorang pelajar (Azizi Yahaya et al., 2007)

1.10.3 Pembelajaran Fizik

Pembelajaran Fizik merupakan proses pendedahan dan pembelajaran konsep-konsep sains fizikal yang melibatkan pemahaman prinsip-prinsip asas, pelaksanaan eksperimen, dan aplikasi dalam situasi kehidupan sebenar (Nurazidawati Mohamad Arsad et al., 2021).

1.11 Rumusan

Bab ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai persepsi dan sikap pelajar sekolah menengah di Sungai Petani, Kedah terhadap pembelajaran Fizik. Dalam bab ini, beberapa aspek penting telah diterangkan, termasuk latar belakang kajian, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, serta definisi operasional.



Kesimpulan akhir bab ini akan memaparkan garis panduan yang merangkumi keseluruhan struktur dan kandungan kajian. Dengan pemahaman yang jelas mengenai struktur dan tujuan kajian ini, pembaca diharapkan dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai penyelidikan yang dijalankan, serta implikasi hasil kajian terhadap pembelajaran Fizik di peringkat tempatan.

